

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WILSON UGAK KUMBONG [HULU RAJANG]
TARIKH : 16 JUN 2014 (ISNIN)
SOALAN : Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah terdapat perancangan oleh kementerian bagi mewujudkan lebih banyak skim yang pelbagai melalui agensi-agensi Kerajaan seperti MARA, SEDC, SME Bank dan AGROBank khas untuk membantu rakyat Sarawak mengusahakan projek-projek pertanian dan perikanan, terutamanya di Kawasan Hulu Rajang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai dua buah agensi berkaitan kemudahan pembiayaan iaitu Agrobank dan TEKUN Nasional. Agrobank merupakan sebuah institusi perbankan yang menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan pada kadar yang paling kompetitif bagi membantu rakyat dalam mengusahakan projek-projek pertanian, ternakan dan perikanan. Manakala TEKUN Nasional diwujudkan bagi membantu usahawan yang memerlukan modal permulaan atau modal tambahan secara *micro credit*.

Buat masa ini, Agrobank tiada peruntukan yang dikhaskan mengikut kawasan, termasuklah kawasan Hulu Rajang, Sarawak. Walau bagaimanapun, sebanyak 1,683 penduduk di Hulu Rajang yang menjalankan projek pertanian, perikanan dan penternakan telah mendapat pembiayaan berjumlah RM151 juta dari Agrobank. Bagi tahun 2014 sahaja (sehingga Mei 2014), Agrobank telah meluluskan pembiayaan bernilai RM3.8 juta kepada 347 orang usahawan tani di kawasan ini.

Di samping itu juga, TEKUN Nasional telah berjaya menyalurkan sejumlah 370,806 pinjaman bernilai RM3.08 billion kepada 287,309 orang usahawan di seluruh negara sejak penubuhannya pada 1998 sehingga 30 April 2014. Bagi Parlimen Kapit dan Hulu Rajang, sejumlah 641 pinjaman bernilai RM2.99 juta yang melibatkan 474 orang usahawan telah disalurkan. Manakala bagi tahun 2014, TEKUN Nasional telah menyalurkan sejumlah 19 pinjaman bernilai RM79,000 kepada 18 usahawan di parlimen berkenaan.

Agrobank dan TEKUN Nasional sentiasa bersedia untuk menimbang dan meluluskan semua permohonan yang berdaya maju dalam memastikan objektif Kerajaan menjadikan pertanian sebagai penggerak utama ekonomi negara tercapai serta mengurangkan import makanan negara.